

04 MAR 1999

Mahkamah-Anwar (Azmin)

SAYA PERCAYA PENUH PADA ISTERI SAYA, KATA AZMIN

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Mohd Azmin Ali, suami kepada wanita yang dikatakan mempunyai hubungan sulit dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim, memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini bahawa "Saya percaya sepenuh hati dengan isteri saya."

Beliau juga berkata beliau juga tidak mempercayai Anwar melakukan perbuatan terkutuk itu.

"Saya mengenali saudara Anwar lebih 10 tahun dan saya tahu beliau tidak berbuat perkara terkutuk itu," katanya pada perbicaraan kes rasuah Anwar yang kini masuk hari ke-65.

Anwar, 51, menghadapi empat pertuduhan menyalahgunakan kedudukannya sebagai timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan untuk campurtangan dalam siasatan polis terhadap dakwaan salah laku seks terhadapnya bagi mengelakkan keaiban.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 2 (1) Ordinan No.22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Perbicaraan yang kini di peringkat Anwar membela diri dijalankan di hadapan Hakim Datuk S. Augustine Paul.

Azmin, 34, bapa kepada empat anak merupakan saksi pembela ke-14, berkata demikian semasa ditanya oleh peguam Christopher Fernando.

Beliau berkata sikapnya terhadap bekas timbalan perdana menteri itu berubah selepas mengetahui dakwaan berkenaan.

"Ya, maksud saya hubungan saya bertambah rapat untuk mempertahankan beliau atas segala keadilan walaupun melibatkan adik saya sendiri," katanya.

Azmin, bekas setiausaha sulit Anwar yang kini menganggur, berkata beliau mengetahui mengenai dakwaan itu setelah diberitahu oleh sahabat karibnya ketika itu, Datuk Hishammuddin Tun Hussein Onn, yang kini Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Beliau berkata, perkara itu diberitahu kepadanya pada 10 Ogos 1997 di rumah Hishammuddin yang turut memberitahunya mengenai surat tersebut yang diterima daripada Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Surat yang bertajuk "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" itu mengandungi dakwaan terhadap Anwar yang ditulis oleh Ummi Hafilda Ali yang dihantar kepada Perdana Menteri bertarikh 5 Ogos 1997 bersama-sama pengakuan bersumpah Azizan Abu Bakar yang mendakwa beliau telah diliwat Anwar.

Ummi ialah adik Azmin manakala Azizan adalah bekas pemandu peribadi isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Azmin, yang mula berkhidmat dengan Anwar pada tahun 1987 sebagai pegawai khas menteri pendidikan ketika itu, berkata Hishammuddin kelihatan marah dan bersedia untuk meletakkan jawatan di dalam parti semasa memaklumkan perkara itu kepadanya.

Pada peringkat ini, Paul berkata, bahagian kedua keterangan Azmin yang menyebut bahawa Hishammuddin bersedia untuk meletakkan jawatan beliau di dalam parti tidak boleh diterima guna (inadmissible).

Paul juga tidak membenarkan keterangan berkaitan apa yang dikatakan oleh Hishammuddin kepada Azmin kerana berpendapat ianya tidak relevan dalam kes itu.

Sebelum itu, peguam Sulaiman Abdullah berhujah bahawa keterangan Azmin

berkaitan apa yang dikatakan oleh Hishammuddin relevan bagi menunjukkan bahawa Anwar tidak perlu membuat percubaan mendapatkan surat penafian daripada Ummi dan Azizan kerana tidak ada siapa yang mengenalinya akan mempercayai dakwaan itu.

Sementara itu, Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail memberitahu mahkamah bahawa ianya tidak relevan dan tiada undang-undang yang membenarkan keterangan sedemikian diterima masuk.

Azmin, yang menjadi setiausaha sulit Anwar sejak 1993, berkata apabila pulang ke rumah, beliau memaklumkan perkara itu kepada isterinya dan Shamsidar terus menunjukkan sepucuk surat yang sama dengan yang dikatakan oleh Hishammuddin, yang diletakkan dalam peti surat rumah mereka.

Paul beberapa kali mengingatkan Fernando supaya tidak menyoal soalan-soalan yang berkaitan dengan kebenaran atau kepalsuan dakwaan-dakwaan yang terkandung dalam surat berkenaan.

Fernando berkata, ianya relevan kerana melibatkan isteri Azmin dan beliau perlu menjelaskan maklumbalasnya terhadap dakwaan-dakwaan berkenaan tetapi Paul berkata ianya tidak perlu walaupun beliau bersimpati dengan Azmin.

Sebelum itu Azmin berkata beliau menyedari terdapat sepucuk surat lain yang dikatakan ditulis oleh Ummi kepada Perdana Menteri dalam bulan Ogos 1997 selepas Anwar menyerahkan surat itu kepadanya untuk dimusnahkan sejurus lepas Anwar pulang dari bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, surat tersebut mengandungi kritikan Ummi terhadap beliau kerana tidak membantu untuk mendapatkan peluang-peluang perniagaan di samping kritikan terhadap Anwar yang menurutnya lebih ringkas dan tidak kasar seperti surat perihal salah laku.

Azmin memberitahu mahkamah bahawa beliau mengenali bekas pengarah Cawangan Khas, Datuk Mohamed Said Awang dan timbalannya, Datuk Amir Junus.

Katanya, beliau telah bertemu dengan Mohamed Said pada 11 Ogos 1997 sebelum pegawai polis itu menemui Anwar pada jam 8.45 pagi di Jabatan Perdana Menteri.

Dalam pertemuan itu, Mohamed Said bertanya adakah Ummi adiknya dan beliau menjawab, "Ya".

Pada peringkat ini, Paul bertanya sama ada soalan itu telah dikemukakan kepada Mohamed Said dan Fernando menjelaskan bahawa pihak pembela tidak mengetahui mengenai pertemuan itu sehingga Azmin ditawarkan sebagai saksi kepada mereka oleh pihak pendakwa.

Peguam Gurbachan Singh dalam hujahnya mengenai isu itu berkata mereka tidak mengetahui mengenai perkara itu tetapi bersedia untuk memanggil semula Mohamed Said bagi menjelaskan perkara itu dan Paul berkata isu itu tidak berbangkit lagi sehingga saksi berkenaan dipanggil semula.

Azmin berkata, selepas pertemuan itu, beliau yang berasa "concern" mengenai apa yang diberitahu oleh Mohamed Said telah memanggil semua anggota keluarganya pada hari yang sama untuk berjumpa.

Semasa Fernando bertanya sama ada Mohamed Said telah meminta beliau mendapatkan surat penafian daripada Ummi, Gani membantah dan Paul menegur Fernando berdasarkan arahan mahkamah bahawa isu itu tidak berbangkit selagi Mohamed Said tidak dipanggil semula.

Kepada soalan lain, Azmin menjawab bahawa dalam pertemuannya itu beliau memberitahu adik-beradiknya bahawa beliau telah diminta oleh Mohamed Said untuk mendapatkan surat penafian daripada Ummi tetapi Paul menegaskan bahawa arahan yang sama terpakai bagi jawapan itu.

Azmin berkata, beliau tidak bersetuju dengan cadangan Mohamed Said kerana "Ummi dan saya tidak bercakap" dan berbincang mengenai perkara itu dengan Anwar pada pertengahan bulan Ogos 1997.

"Saudara Anwar tidak mengambilnya secara serius, malahan beliau

bertanya kepada saya secara bersahaja "mengapa Ummi panggil dia seorang peliwat" katanya sebelum Gani berkata, soalan berkenaan telah tidak dibangkitkan ketika Anwar memberi keterangan dan itu akan menjadikan ianya "hearsay".

"Tertuduh ialah yang tertuduh. Dia tidak ditawarkan oleh pendakwa. Mengapa soalan ini tidak ditujukan kepadanya," kata Gani yang mana Fernando menjawab bahawa mereka tidak dapat mengingat butiran terperinci dan mengentahuinya selepas mereka menemubual Azmin dan Paul berkata beliau akan membuat keputusan mengenai kemudian.

Azmin yang juga ditanya mengenai dakwaan adiknya di mahkamah bahawa beliau telah merasuah bapa mereka untuk menyebelahi beliau dan membuang Ummi daripada keluarga, berkata "dia ada seorang pembohong yang kompulsif."

Paul: Dia (Ummi) kata kamu pembohong besar, sekarang kamu kata dia pembohong kompulsif.

Azmin: Dia lagi pembohong besar (kata-kata Azmin ini disambut dengan ketawa oleh mereka yang berada di galeri awam di dalam mahkamah).

Paul juga menyoal sama ada isu itu relevan kerana pertuduhan telah dipinda tetapi Fernando berhujah bahawa ianya perlu bagi menunjukkan kredibiliti Ummi yang membuat tuduhan itu dan Gurbachan Singh berkata, ianya juga adalah untuk membuktikan kredibiliti Azmin.

Azmin dalam penjelasannya kepada mahkamah berkata, tuduhan Ummi itu tidak benar kerana perkara itu merupakan satu pembohongan yang besar disebabkan rumah berkenaan dibina pada tahun 1993.

"Bagaimana saya dapat menjangka bapa saya akan mengambil tindakan itu lima tahun kemudian kerana dia dibuang daripada keluarga pada 1 Sept, 1998 pada pukul 5.20 petang, sehari sebelum Mahathir membuang Anwar," katanya yang mana hakim itu mengingat peguambela supaya menasihati saksi mereka supaya tidak membuat sebarang kenyataan dan hanya menjawab mengikut undang-undang.

Turut memberi keterangan hari ini ialah Ketua Penolong Setiausaha di Bahagian Pengurusan Dewan Parlimen, Zamani Sulaiman yang bertanggungjawab untuk menerbitkan penyata rasmi Parlimen (hansard).

Zamani yang mengemukakan penyata itu yang bertarikh 9 April 1998 yang mengandungi kenyataan Timbalan Menteri di JPM ketika itu Datuk Nazri Aziz, pada dewan bahawa Perdana Menteri menyatakan dakwaan salahlaku seks terhadap Anwar tidak berasas mengikut siasatan polis ketika menjawab soalan anggota Parlimen Jelutong Karpal Singh.

Sementara itu seorang lagi saksi ialah wartawan akhbar The Sun, Rusdi Mustapha yang mengesahkan bahawa beliau menulis satu artikel berkaitan sidang media Anwar mengenai dakwaan salahlaku seks itu.

Perbicaraan disambung 9 pagi esok.

-- BERNAMA

NHD SBB AHH WAT